Perubahan Skrin PA30 pada Infotype 0197 (Employees' Social Security) SAP untuk Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK)/LINDUNG 24 JAM PERKESO.

1. Pengenalan

Susulan daripada pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK / LINDUNG 24 JAM) yang telah diumumkan oleh PERKESO, satu medan baharu telah diperkenalkan dalam **Infotype 0197** bagi mengambilkira **pegawai yang memilih untuk menarik diri (opt-out) daripada SKBBK / LINDUNG 24 JAM**.

Satu medan *checkbox* baharu pada skrin iaitu "***Exempt from Non Employment Injury***" telah diwujudkan di paparan skrin **PA30 untuk Infotype 0197**. Rujuk paparan skrin seperti di bawah:



Infotype 0197 – Display Employees' Social Security

2. Pengemaskinian maklumat pegawai yang telah memilih untuk menarik diri (opt-out) daripada SKBBK pada **Infotype 0197:**

a) Tindakan PTJ

Bagi pegawai yang telah memilih untuk menarik diri (opt-out) daripada SKBBK, PTJ perlu membuat kemas kini di sistem melalui tcode **PA30 pada Infotype 0197.**

Sebelum membuat sebarang perubahan dalam sistem iGFMAS HCM, PTJ perlu memastikan menerima salinan **borang pengecualian pelepasan liabiliti PERKESO (liability waiver exemption form) yang ditandatangani secara fizikal atau digital** dan dijadikan sebagai dokumen lampiran kepada borang Kew.320.

Untuk makluman, hanya pegawai warganegara tempatan atau pemastautin tetap (PR) sahaja layak untuk memilih. Sehubungan dengan itu mohon pastikan kotak ini **TIDAK**

ditanda bagi pegawai warga asing, memandangkan penyertaan mereka tetap **diwajibkan.**

b) Proses kemas kini di **PA30 pada Infotype 0197 dengan cara *tick* pada kotak "*Exempt from Non Employment Injury*".**



PA30 - Maintain HR Master Data



Infotype 0197 – Create Employees' Social Security

Disediakan Oleh :
BPTM JANM - HCM
23 Oktober 2026